



kaunseling Remaja

Prof Madya Dr Sapora Sipon Menjawab

Jika anda menghadapi masalah percintaan, pembelajaran, kewangan, keluarga dan perkara peribadi yang sukar diselesaikan, pakar kaunseling Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) sedia membantu. Hantarkan masalah anda lengkap dengan nama dan alamat penuh kepada Ruangan Pengelola Kaunseling Remaja, Hanan Metro, Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur atau e-mel kepada rencana@hmetro.com.my

Rakan ajak demonstrasi

Siswa ingin tumpu pelajaran tetapi takut terpengaruh hasutan

Soalan

SAYA mahasiswa lelaki di sebuah universiti awam dan kini mengikuti jurusan sains. Saya tiada masalah dengan pelajaran dan aktif dalam persatuan di universiti.

Penyarah banyak membantu dan ibu bapa juga banyak menyokong dari segi moral serta kewangan kerana mahu saya mendapat keputusan terbaik dalam pengajian.

Baru-baru ini, saya dipujuk seorang rakan baik yang berada di kampung untuk menyertai perhimpunan antikerajaan. Berkali-kali rakan saya itu memujuk saya untuk terbabit, tetapi saya menolaknya. Untung juga saya tidak termakan pujuk kawan baik itu kerana saya mendapat tahu,

mahasiswa yang terbabit dengan aktiviti itu bakal dikenakan tindakan.

Saya individu yang tidak mempunyai pendirian kukuh. Saya takut kalau tidak kuat iman, saya cepat terpengaruh dengan hasutan tidak baik. Apatah lagi yang mengajak adalah kawan baik.

Mungkin kali ini saya boleh menolak pujuannya, tetapi pada masa depan mungkin gagal. Saya tidak mahu kewujudan saya sebagai pelajar di universiti disalahgunakan. Walaupun saya nampak bersahaja, tetapi saya ingin menjadi pelajar yang bertanggungjawab dalam kehidupan.

Apatah lagi, terhadap ibu bapa yang begitu banyak menyokong.



BUAT KEPUTUSAN SENDIRI...tunjuk perasaan bukan satu-satunya cara untuk menyelesaikan masalah.

Victron

"A Work Of Art Lives Forever"

Alamanda
Pusat Membeli-belah
Aras Bawah
25 - 31 Julai
(10 pg-10 mlm)



- Cast Aluminium
- Bersadur serbuk Kemas
- Terdapat dalam 8 Warna
- Banyak Pilihan Reka Bentuk



Sebarang Pertanyaan Hubungi Peniaga/Projek : Elaine (012 391 6100)

Stadec, 144 Jalan Segambut, Kuala Lumpur
Seng Hup, Jalan 222, Petaling Jaya
Seng Hup, Jalan Batu Tiga Lama, Klang
2nd Floor, Plaza Shah Alam, Shah Alam
www.victron.com.my

Tel: 03-6259 3935
Tel: 03-7956 8981
Tel: 03-3344 7522
Tel: 017-643 3225

Namun sebagai seorang yang tidak berpendirian tetap, saya ada kalanya seperti lalang.

BUKAN ANTIKERAJAAN
Selangor

Jawapan

DALAM kehidupan, manusia perlu mencari makna atas kewujudannya. Kewujudan adik di universiti juga membawa makna dalam kehidupan. Terpulang pada diri bagaimana memberi makna kepada kewujudan adik di universiti.

Seterusnya, manusia perlu bertanggungjawab atas setiap perlakuannya dan mampu mengawal kehidupan. Ini bermakna

adik bertanggungjawab ke atas pilihan kehidupan yang dibuat. Sikap bertanggungjawab perlu dipelajari secara terus sepanjang kehidupan.

Contohnya, sebaik saja adik mendaftar masuk ke universiti, adik adalah mahasiswa dan mempunyai tanggungjawab serta peranan ditetapkan. Antaranya tidak melakukan perkara-perkara menyalahi peraturan universiti. Menyertai demonstrasi atau perhimpunan yang antikerajaan menyalahi peraturan universiti.

Dalam diri adik, terdapat dorongan yang sihat dan potensi diri yang tinggi. Sebagai mahasiswa, gunakanlah sebaik mungkin potensi diri

untuk memenuhi peranan dan tanggungjawab itu. Ini memberi makna yang positif dalam kehidupan adik.

Sebagai seorang yang berpotensi, adik perlu belajar untuk mempunyai pendirian tetap. Ia sangat penting supaya adik tidak mudah terikut dengan hasutan yang boleh merosakan diri.

Menyertai demonstrasi bukanlah satu perkara yang membuktikan adik seorang mahasiswa yang bertanggungjawab. Sebaliknya, apabila adik melanggar peraturan dan syarat universiti, adik boleh dikenakan tindakan. Dalam perkara ini, adik tidak boleh menyalahkan pihak universiti kerana

na di peringkat awal, apabila saya adik bersetuju menjadi mahasiswa, sebenarnya adik sudah bersetuju untuk memenuhi peranan dan tanggungjawab sebagai mahasiswa universiti.

Sekiranya ada perkara-perkara yang adik tidak setuju, demonstrasi bukanlah jalan terbaik. Adik boleh menyuarakan ketidakpuasan itu melalui perbincangan. Tentunya adik tidak mahu mengambil risiko mengorbankan pengajian adik dan melukakan hati ibu bapa.

Tetapi mereka tidak berani mempertahankan adik sekiranya sesuatu perkara buruk berlaku.